29 Oktober 2013
*29 October 2013*
P.U. (A) 324

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

## PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO. 2) (PINDAAN) 2013

## *MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (NO. 2) (AMENDMENT) ORDER 2013*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO. 2) (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) (Pindaan) 2013**.

(2) Subperenggan 2*(a)* dan *(b)* disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 13 Jun 2013.

(3) Subperenggan 2*(c)* dan *(d)* disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 12 Julai 2013.

**Pindaan Jadual**

2. Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013 [*P.U. (A) 184/2013*] dipinda dalam Jadual—

*(a)* berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri, dengan memasukkan dalam ruang "*Jabatan*" dan "*Perkara*" selepas perkataan "Institut Wasatiyyah Malaysia" dalam ruang "*Jabatan*" perkataan yang berikut:

| *Jabatan* | *Perkara* |
|---|---|
| "Mahkamah Anak Negeri Wilayah Persekutuan Labuan | Pentadbiran Mahkamah Anak Negeri di Wilayah Persekutuan Labuan<br><br>Akta Hakmilik Anak Negeri Labuan 2007 |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | |
|---|---|
| Urus Setia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan | Urus setia kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya |
| Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan | Tanah, perlombongan dan tanah rizab Melayu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur |
| Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Labuan | Tanah dan perlombongan di Wilayah Persekutuan Labuan |
| Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya | Tanah dan perlombongan di Wilayah Persekutuan Putrajaya”; |

*(b)* berkenaan dengan Kementerian Wilayah Persekutuan—

(i) dengan memotong perkataan “Mahkamah Anak Negeri Wilayah Persekutuan Labuan” dalam ruang “*Jabatan*” dan semua perkataan yang terdapat bersetentangan dengannya dalam ruang “*Perkara*”;

(ii) dengan memotong perkataan “Urus Setia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan” dalam ruang “*Jabatan*” dan semua



Copyright of the Attorney General’s Chambers of Malaysia

perkataan yang terdapat bersetentangan dengannya dalam ruang "*Perkara*";

(iii) dengan memotong perkataan "Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan" dalam ruang "*Jabatan*" dan semua perkataan yang terdapat bersetentangan dengannya dalam ruang "*Perkara*";

(iv) dengan memotong perkataan "Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Labuan" dalam ruang "*Jabatan*" dan semua perkataan yang terdapat bersetentangan dengannya dalam ruang "*Perkara*"; dan

(v) dengan memotong perkataan "Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya" dalam ruang "*Jabatan*" dan semua perkara yang terdapat bersetentangan dengannya dalam ruang "*Perkara*";

*(c)* berkenaan dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia, dengan memasukkan dalam ruang "*Jabatan*" dan "*Perkara*" selepas perkataan "Jabatan Perlindungan Data Peribadi" dalam ruang "*Jabatan*" perkataan yang berikut:

| *Jabatan* | *Perkara* |
|---|---|
| "Pusat Rangkaian Maklumat Malaysia (MyNIC) | Mentadbir *name space* internet bagi domain peringkat tinggi Malaysia iaitu ".my" |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia